

**KUMPULAN CERITA RAKYAT NEGERI SARAWAK**

**SIRI**

**1**

**RULUH PERINDU**

**Penyusun**

*Abdul Rashid Haji Subet  
Mohd. Amizi Ikman Amran*

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Cawangan Sarawak  
2013



## KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	vii
Legenda Kampung Sungai Putong	1
<i>Repaid Sari</i>	
Asal Usul Lintah	9
<i>Margaret Imuk</i>	
Asal Usul Suku Kaum Bidayuh Selako	22
<i>Daiana Salimin</i>	
Buluh Perindu	28
<i>Jemat Gani</i>	
Bala Antu Palak	50
<i>Frankie Latit</i>	
Sumpahan Kampung Sunda	61
<i>Nurul Hidayat Louis Abdullah</i>	



Kisah Keramat Telaga Tempayan Tun Bratma <i>Widyawati Mahmud</i>	68
Asal Usul Sungai Bikul <i>Norhafiz Morjidi</i>	74
Asal Usul Kaum Iban Pantang Membunuh Burung Tiong <i>Agnes Sambai Barat</i>	82
Asal Usul Kaum Iban Pandai Membuat Rumah Panjang <i>Ngadit Sawing</i>	90
Asal Usul Aji Bulan (Tikus Bulan) Berbau Busuk <i>Ngadit Sawing</i>	102
Tun Bratma, Kampung Belawai <i>Radzemah Bolhassan</i>	108
Asal Usul Pokok Nipah <i>Batik Bidin@Evelyn</i>	116
Asal Usul Buntal <i>Nurul Hidayat Louis Abdullah</i>	126
Asal Usul Nama Sarikei <i>Radzemah Bolhassan</i>	132
Dungau <i>Ngadit Sawing</i>	136



## PRAKATA

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya, manuskrip Antologi Siri 1, Peraduan Penulisan Semula Cerita Rakyat Sarawak (PPSCRS) bertajuk *Buluh Perindu* berjaya diselenggarakan dan diterbitkan. Manuskrip ini mengandungi kumpulan cerita rakyat peribumi Sarawak kategori cerita asal-usul yang dinobatkan mendapat pengiktirafan sebagai lapan karya terbaik PPSCRS pada tahun 2008 dan 2009 di samping beberapa buah karya lagi

yang mempunyai kualiti untuk diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (DBPCS).

Sebagai mukadimah, PPSCRS merupakan anjuran Unit Penyelidikan Sastera, DBPCS. PPSCRS diadakan dengan tujuan; untuk memperoleh bahan sastera rakyat dalam bentuk bertulis, di samping untuk tujuan pendokumentasian. Ia juga diadakan bertujuan untuk menanam dan memupuk minat serta penghayatan orang ramai terhadap warisan sastera rakyat yang terdapat dalam pelbagai masyarakat dan budaya di negeri ini. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menggalakkan bakat dalam penulisan semula bahan-bahan sastera rakyat. PPSCRS juga merupakan wadah untuk memupuk dan menghargai kegiatan penulisan dalam sastera tradisional, supaya kegiatan sastera terus berkembang dan bermutu.

Selaku penyelenggara, kami berharap agar penerbitan manuskrip ini dapat menjadi satu wadah kepada para sarjana dan pengkaji tempatan bertukar-tukar maklumat serta pandangan dalam menilai dan mengkaji kekayaan hasil karya kesusteraan tradisional Sarawak. Di samping itu, ia juga diharapkan dapat menjadi wahana kepada pengkaji untuk menyediakan satu sejarah kesusteraan Sarawak yang ilmiah melalui hasil penyelidikan lanjutan tentang cerita rakyat Sarawak. Selain daripada itu, manuskrip ini diharap akan mencipta ruang kepada karyawan Sarawak dalam membincangkan dengan lebih mendalam serta menilai kembali tentang iklim penulisan kreatif dan bukan kreatif di Sarawak.

Suka kami nyatakan di sini bahawa penerbitan manuskrip ini tidak akan berhasil sekiranya tidak mendapat kerjasama yang jitu daripada beberapa pihak. Pada kesempatan ini, kami berbesar hati mengalungkan sejambak

penghargaan kepada Dr. Amran Bin Joned Pengarah DBPCS, Hajah Asmiah Haji Ajamain Timbalan Pengarah DBPCS, yang telah memberi galakan, sumbang saran dan bantuan hingga lahirnya manuskrip ini. Tidak lupa juga kami ucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Jiso Rutan dan Encik Abdul Kadir Yunus, pegawai terdahulu yang mempelopori projek ini. Ribuan penghargaan juga kami kalungkan kepada semua informan dan para peserta peraduan yang tidak jemu-jemu membantu dalam menyumbangkan bahan sastera rakyat yang tidak ternilai ini dan juga staf DBPCS di Unit Penerbitan terutama Encik Jonathan Singki Lintan, Puan Edith Sulie Bidas, Cik Stephanie Lenya Chaong, Puan Shuhailiy Mahamad, Puan Hajijah Haji Mainol dan Puan Marriya Yusup serta staf Unit Penyelidikan Bahasa dan Sastera Ustaz Riduwan Wahab, Tuan Haji Santrol Abdullah dan Mohammad Syafiq Rohaizad Buyong yang telah bertungkus-lumus berusaha bagi merealisasikan penerbitan manuskrip ini. Semoga usaha kita ini akan memberi manfaat kepada masyarakat dalam memartabatkan kesusastraan kebangsaan.

Salam hormat.

Abdul Rasid Haji Subet

Mohd. Amizi Ikman Amran



## **LEGENDA KAMPUNG SUNGAI PUTONG**

*Repaid Sari*



**P**ada suatu ketika dahulu ada sebuah kampung yang terletak di daerah Sri Aman, Sarawak. Namun, kampung ini belum lagi memiliki apa-apa nama. Kampung ini didiami oleh penduduk berbangsa Iban yang hidup harmoni di bawah pentadbiran Panglima Undup. Panglima Undup mempunyai seorang isteri yang amat dikasihi iaitu Umang. Panglima Undup amat dihormati oleh semua penduduk kampung kerana bakat kepimpinan dalam dirinya. Walaupun Panglima Undup sudah agak berumur pada masa itu namun Panglima Undup tetap digeruni oleh pihak musuh kerana keperkasaannya dan kesetiaan pengikut

## Buluh Perindu

kepadanya. Dia juga menjalankan aktiviti pertanian dan sering ke sungai untuk menangkap ikan bagi menampung keperluan mereka sekeluarga. Ini menambahkan lagi cinta kasih si isteri terhadap si suaminya walaupun mereka tidak dikurniai cahaya mata hasil daripada perkahwinan mereka. Namun hal itu tidak mematahkan semangat Panglima Undup untuk mencari rezeki di sebidang tanah milik arwah bapanya. Selain itu, Panglima Undup juga memiliki ilmu kekebalan dan tidak lut dengan apa-apa senjata.

Oleh itu, ramai pemimpin dan orang dari kampung lain tunduk kepada Panglima Undup dan sanggup berbuat apa-apa sahaja untuk tidak berperang dengannya. Walau bagaimanapun, ada juga orang-orang dari kampung lain yang tidak suka kepada Panglima Undup lantas melancarkan serangan terhadap kampungnya. Namun, semua serangan tersebut berjaya dipatahkan.

Ketika Panglima Undup sedang mengasah parang panjang bersiap sedia untuk pergi ke bendang, Panglima Undup mengimbas kenangan lalu semasa pada awal perkahwinannya dengan isterinya. Pada masa itu Panglima Undup selalu pergi ke Sungai Marakai untuk menjala ikan bersama-sama seekor anak anjing bernama Si Togel dengan menaiki sebuah sampan. Sungai Marakai terletak di daerah Kalimantan, Indonesia. Sungai itu bersempadan dengan sungai yang terdapat di Sarawak. Panglima Undup mengambil masa selama dua jam untuk sampai ke sungai tersebut.

Dengan perlahan-lahan Panglima Undup mendayung sampan untuk menuju ke destinasi. Walaupun terpaksa mengambil masa selama dua jam untuk sampai ke sungai itu, Panglima Undup tetap bersemangat untuk mencari rezeki halal di situ. Kedengaran bunyi kocakan air dengan setiap hayunan pendayungnya membelah keheningan pagi. Apabila sampai ke kawasan lubuk yang menjadi lokasi pertaruhannya,

## Legenda Kampung Sungai Putong

Panglima Undup menebarkan jalanya. Namun, setelah jalanya dinaikkan tiada satu pun ikan yang tersangkut. Hal ini membuatkan Panglima Undup terkejut kerana pada kebiasaannya lubuk itulah punca rezekinya yang melimpah ruah kerana hasil tangkapannya sangat memberangsangkan. Banyak ikan yang akan tersangkut pada jalanya.

Tapi hari ini lain pula jadinya. "Ke mana semua ikan pergi?" tanya Panglima Undup dalam benak fikirannya. Panglima Undup menebar jalanya semula untuk mencuba nasib. Walau bagaimanapun, hasilnya tetap sama. Tiada satu pun ikan yang tersangkut pada jalanya. Panglima Undup bertambah hairan dengan keadaan itu. Pelbagai kemungkinan bermain di lubuk fikirannya. Panglima Undup menetapkan hatinya untuk mencuba sekali lagi buat kali yang terakhir. Bagi Panglima Undup, pantang menyerah kalah begitu sahaja sebelum mencuba. Jadi, sebelum berangkat pulang jala harus ditebarkan sekali lagi.

Ketika Panglima Undup leka menebar jalanya itu, anak anjingnya Si Togel menyalak dengan tiba-tiba. Si Togel menyalak dan terus menyalak dengan nyaring. Akibat terkejut dengan salakan Si Togel, Panglima Undup cuba memeriksa apa-apa yang sedang disalak oleh anjingnya itu. Benda yang dia nampak hanyalah seperti sebatang kayu yang terapung-apung di atas permukaan air. "Ah, tak ada apa-apa," katanya seolah-olah dia bercakap dengan anjingnya. Tetapi setelah meneliti secara dekat Panglima Undup sangat terkejut. Benda yang disangkanya hanya sebatang kayu itu ruparupanya sebakul rotan. Panglima Undup bertambah hairan dan terkejut apabila dia menjenguk ke dalam bakul tersebut untuk melihat benda yang ada di dalam bakul tersebut. Dia mendapati bahawa ada seorang bayi lelaki di dalam bakul tersebut. Bayi lelaki itu hanya dibungkus dengan kain buruk berwarna hitam dan diapungkan di atas sungai dengan bakul rotan. Tanpa berlengah-lengah dan menghiraukan bahaya

## Buluh Perindu

arus sungai, Panglima Undup terus terjun ke sungai lalu mendapatkan bayi tersebut. Bayi tersebut terus diletakkan di atas perahu. Dengan gembiranya Panglima Undup terus mendayung perahu dengan laju untuk pulang ke rumah dan memberitahu isterinya tentang penemuannya itu.

Setelah Panglima Undup sampai di rumah, dia terus memanggil isterinya. "Umang, mari sini sekejap. Tengok apa yang saya bawa balik," katanya dengan nada yang gembira. Isterinya amat gembira apabila melihat Panglima Undup sedang menimang seorang bayi. "Anak siapa ni bang?," tanya Umang dengan nada dan raut wajah yang kehairanan.

"Saya terjumpa bayi ini terapung di Sungai Marakai semasa menjala ikan tadi," jelas Panglima Undup. Kemudiannya mereka pun sama-sama bersetuju untuk memelihara bayi tersebut. Bayi tersebut juga diberi nama sebagai Keling Nading Krangan.

Keling Nading Krangan dikatakan cepat membesar. Dalam masa beberapa bulan sahaja Keling Nading Krangan sudah pandai berjalan. Walaupun pada mulanya Panglima Undup hairan dengan kejadian yang berlaku itu tetapi dia tidak mahu memikirkannya kerana menganggap Keling Nading Krangan seperti anak kandungnya sendiri. Panglima Undup menganggap hal itu sebagai keistimewaan yang telah diberikan Tuhan kepada Keling.

Pada umur yang mencecah lingkungan lima tahun, Keling Nading Krangan sudah ringan tulang untuk membantu kedua-dua orang tuanya di kebun untuk bercucuk tanam. Selain itu, dia suka pergi ke tebing sungai untuk berlatih bermain pedang dengan kawan-kawannya. Apabila Keling Nading Krangan semakin membesar, dia telah mahir bermain pedang. Rupa paras Keling Nading Krangan yang gagah dan kacak ditambah pula dengan ilmu kebal yang dimilikinya membuatkan dia menjadi kegilaan gadis di kampung tersebut. Dia

## Legenda Kampung Sungai Putong

juga mempunyai ramai pengikut dan hampir menandingi pengikut bapanya.

Pada suatu ketika ada orang datang dari Kampung Batang Ai bertandang ke kampung tersebut untuk berdagang dan bertukar-tukar barang. Setiap kali tetamu dari Kampung Batang Ai datang, Keling Nading Krangan mengajak mereka untuk “berputong”. Berputong dalam bahasa Iban bermaksud beradu kekuatan melalui permainan pedang dengan memenggal kepala sesiapa yang kalah dalam perlawanan tersebut. Tetamu tersebut akan dibawa berputong di tebing sungai tidak jauh dari kawasan rumah panjang Panglima Undup. Difahamkan juga bahawa kebanyakan penempatan suku kaum Iban adalah di sekitar tebing sungai kerana kedudukan sungai strategik dari segi geografi dan sumber rezeki kepada penduduk kampung. Sebenarnya tindakan Keling Nading Krangan membawa orang Kampung Batang Ai beradu tidak diterima oleh Tuai Rumah Kampung Batang Ai. Tindakan ini tidak diterima kerana Tuai Rumah Kampung Batang Ai berpendapat bahawa Keling Nading Krangan cuba untuk mencabar kewibawaan mereka.

“Apai!” anaknya berteriak memanggilnya. Perkataan Apai merupakan kata panggilan bapa dalam bahasa Iban. Namun, panggilan itu tidak diendahkan oleh Panglima Undup kerana dia tengah ligat mengasah parangnya. “Apaiii!” Anaknya memanggil lagi sambil naik ke anjung rumah. Akhirnya dia tersentak dari lamunannya apabila anaknya memanggilnya dengan nada yang tercungap-cungap. Namun, Panglima Undup dapat merasakan ada sesuatu yang tidak kena.

“Kenapa dengan awak ni? Macam dikejar hantu sahaja. Kalau ya pun bawalah bertenang dulu baru kita dapat ceritakan sesuatu dengan lancar,” ujarnya.

“Orang Batang Ai ...” jawabnya.

“Ah! Cepatlah beritahu kenapa dengan orang Batang